



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PENGURUSAN
PEMBERSIHAN AWAM PASCA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP)**

Maklumat dan Kawalan Versi Dokumen

PROSEDUR OPERASI STANDARD	No. Dokumen	5/2020
	No. Keluaran	2
	No. Pindaan	0
	Tarikh Kuatkuasa	29 Julai 2020
	Kategori Dokumen	Terbuka

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN I

1. TUJUAN
2. KUAT KUASA
3. LATAR BELAKANG
4. OBJEKTIF
5. SKOP PEMAKAIAN SOP

BAHAGIAN II

A. PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL PASCA PKP

6. ALATAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE) DAN PERALATAN LAIN
7. PROSEDUR OPERASI STANDARD (*STANDARD OPERATING PROCEDURE* – SOP)

B. PELAKSANAAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM PASCA PKP

8. ALATAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE) DAN PERALATAN LAIN
9. PROSEDUR OPERASI STANDARD (*STANDARD OPERATING PROCEDURE* – SOP)
10. PELAPORAN

BAHAGIAN I

1. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* – SOP) ini bertujuan untuk memberi panduan kepada syarikat konsesi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (PSPPA) setelah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan.

2. KUATKUASA

Prosedur Operasi Standard ini berkuatkuasa dengan **serta merta**.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) berkuatkuasa di tujuh (7) negeri melibatkan negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di bawah Akta 672 turut merangkumi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam.
- 3.2 Pada masa ini, perkhidmatan kutipan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah serta pengurusan pembersihan awam dilaksanakan melalui 3 syarikat konsesi iaitu Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB), SWM Environment Sdn. Bhd. (SWMESB) dan Environment Idaman Sdn. Bhd. (EISB) yang dikawal selia oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Manakala, perkhidmatan kutipan sisa pepejal di sektor komersial, perindustrian dan keinstitusian dilaksanakan oleh kontraktor kutipan yang dilantik oleh penjana sisa sendiri.
- 3.2 Sepanjang tempoh PKP, perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam diteruskan memandangkan perkhidmatan ini adalah salah satu daripada *essential services* yang perlu dilaksanakan.

- 3.3 Setelah tempoh penguatkuasaan PKP berakhir, perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam yang dibuat masih perlu dilaksanakan dengan mengambil kira langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 demi memastikan keselamatan serta kesihatan para pekerja atau kakitangan yang terlibat sentiasa terjamin. Ini kerana walaupun PKP telah ditamatkan, risiko berlakunya jangkitan COVID-19 masih ada dan semestinya segala langkah perlu diambil bagi memastikan pandemik tidak berulang.

4. OBJEKTIF

- 4.1 Memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam pasca PKP dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan.
- 4.2 Mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 terhadap pekerja dan kakitangan yang terlibat dalam pelaksanaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam.

5. SKOP PEMAKAIAN SOP

5.1 Pemakaian

5.1.1 SOP ini diguna pakai oleh:

- (a) agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam selepas penguatkuasaan PKP ditamatkan; dan
- (b) kakitangan dan pekerja yang melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam di lapangan selepas penguatkuasaan PKP ditamatkan.

5.1.2 SOP ini adalah sebagai tambahan kepada SOP atau manual operasi sedia ada berkaitan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam yang telah digunapakai oleh syarikat konsesi atau kontraktor.

- 5.1.3 Syarikat konsesi atau kontraktor dalam mematuhi SOP ini perlu mengambilkira SOP yang dikeluarkan oleh agensi lain dalam menjalankan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam di lapangan sekiranya berkaitan.

BAHAGIAN II

A. PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL PASCA PKP

6. ALAT PELINDUNG DIRI (PPE) DAN PERALATAN LAIN

- 6.1 Semua pekerja yang melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal wajib memakai kelengkapan PPE seperti berikut:
- (a) Pelitup muka (*face mask*) pakai buang;
 - (b) *Wellington/safety boot*; dan
 - (c) Sarung tangan (*glove*) getah.
- 6.2 Peralatan yang perlu disediakan semasa melaksanakan perkhidmatan ini adalah seperti berikut:
- (a) Peralatan untuk semburan disinfektan;
 - (b) Disinfektan daripada jenis *Sodium hypochlorite* dengan kepekatan 0.1% hingga 0.5% (rujukan kepada SOP Operasi Sanitasi Awam COVID-19 Bil. 1/2020 yang diterbitkan oleh KPKT untuk panduan kaedah penyediaan disinfektan);
 - (c) *Sanitizer* atau sabun (mengikut keperluan atau kesesuaian); dan
 - (d) Peralatan untuk memindahkan sisa sekiranya perlu seperti penyodok (*scoop*) dan penyapu.

7. PROSEDUR OPERASI STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE – SOP)

- 7.1 Sebelum Pelaksanaan Kutipan
- (a) Taklimat kepada pekerja berkenaan pelaksanaan kerja di lapangan perlu dibuat oleh syarikat konsesi atau kontraktor.
 - (b) Pekerja wajib mematuhi penggunaan pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE).

- (c) Pekerja tidak dibenarkan menyertai aktiviti kutipan sisa sekiranya berada dalam situasi berikut:
 - i. suhu badan melebihi 37.4° celcius;
 - ii. pekerja yang mempunyai simptom COVID-19 seperti batuk, demam, sesak nafas dan lain-lain; dan
 - iii. *Person Under Investigation* (PUI), *Person Under Surveillance* (PUS) dan kontak kepada kes positif.
- (d) Pemeriksaan jentera pra-operasi bagi memastikan hanya jentera yang berkeadaan baik sahaja dibenarkan beroperasi dan dipastikan semua peralatan mencukupi dan berkeadaan baik.
- (e) Jumlah pekerja yang terlibat boleh mengikut keperluan sebenar pelaksanaan perkhidmatan kutipan dengan amalan *social distancing* 1 meter dipatuhi.

7.2 Semasa Aktiviti Kutipan

- (a) Kutipan dilaksanakan mengikut jadual dari *kerbside* atau pusat tong di premis-premis yang diberikan perkhidmatan.
- (b) Tidak menyentuh sebarang sisa di dalam atau luar tong.
- (c) Menggunakan peralatan untuk memindahkan sisa yang tidak diletakkan di dalam tong sekiranya perlu seperti penyodok, penyapu atau lain-lain peralatan.
- (d) Penggunaan *bin lifter* sepenuhnya semasa memindah sisa ke dalam kenderaan kompaktor. Kaedah kutipan yang bersesuaian bagi kutipan dari tong RORO dengan meminimalkan sentuhan kepada tong.
- (e) Pekerja dan pemandu sentiasa menggunakan disinfektan atau *sanitizer* pada PPE yang menyentuh tong setiap kali selepas membuat kutipan.
- (f) Penghantaran sisa ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang dibenarkan.

7.3 Selepas Aktiviti Kutipan

- (a) Membasuh kenderaan dengan bahan detergen yang sesuai selepas operasi dan diletakkan di lokasi yang ditetapkan.

- (b) Bahagian dalam kenderaan yang menempatkan pemandu dan pekerja perlu dibuat disinfeksi secara penyemburan atau dilap dengan bahan disinfektan.
- (c) Penyemburan atau mengelap menggunakan disinfektan ke permukaan panel kawalan *bin lifter* atau panel jentera *arm-roll* setelah selesai operasi kutipan.
- (d) Pekerja dan pemandu perlu membersihkan tangan dan diri selepas operasi dijalankan menggunakan disinfektan, *sanitizer* atau sabun (mengikut kesesuaian).
- (e) Semua peralatan yang telah digunakan hendaklah dibersihkan dan didisinfeksi selepas operasi selesai.
- (f) Memastikan pelitup muka dibuang mengikut kaedah yang ditetapkan di depoh atau *mustering point*. *Wellington/safety boot* dan sarung tangan getah perlu dibersihkan dan didisinfeksi sebelum disimpan selepas operasi selesai.
- (g) Melaksanakan pemeriksaan selepas operasi untuk kenderaan dan memaklumkan sebarang kerosakan kepada pihak mekanik yang bertugas.
- (h) Semua peralatan disimpan di depoh, stor atau di tempat yang disediakan selepas operasi.
- (i) Pekerja dan kakitangan diingatkan agar sentiasa mengamalkan kebersihan diri.

B. PELAKSANAAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM PASCA PKP

8. ALAT PELINDUNG DIRI (PPE) DAN PERALATAN LAIN

- 8.1 Semua pekerja yang melaksanakan perkhidmatan pembersihan awam wajib memakai kelengkapan PPE seperti berikut:
- (a) Pelitup muka (*face mask*) pakai buang;
 - (b) *Wellington/safety boot*; dan
 - (c) Sarung tangan (*glove*) getah.

- 8.2 Peralatan yang perlu disediakan semasa melaksanakan perkhidmatan ini adalah seperti berikut:
- (a) Peralatan untuk semburan disinfektan;
 - (b) Disinfektan daripada jenis *Sodium hypochlorite* dengan kepekatan 0.1% hingga 0.5% (rujukan kepada SOP Operasi Sanitasi Awam COVID-19 Bil. 1/2020 yang diterbitkan oleh KPKT untuk panduan kaedah penyediaan disinfektan);
 - (c) *Sanitizer* atau sabun (mengikut keperluan dan kesesuaian); dan
 - (d) Peralatan bagi aktiviti pembersihan awam sepertimana dinyatakan di dalam Manual Operasi sedia ada bagi setiap syarikat konsesi.

9. PROSEDUR OPERASI STANDARD (*STANDARD OPERATING PROCEDURE – SOP*)

9.1 Sebelum Pelaksanaan Aktiviti Pembersihan Awam

- (a) Taklimat kepada pekerja berkenaan pelaksanaan kerja di lapangan perlu dibuat oleh syarikat konsesi.
- (b) Pekerja wajib mematuhi penggunaan pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE).
- (c) Pekerja tidak dibenarkan menyertai aktiviti pembersihan awam sekiranya berada dalam situasi berikut:
 - i. suhu badan melebihi 37.4° celsius;
 - ii. pekerja yang mempunyai simptom COVID-19 seperti batuk, demam, sesak nafas dan lain-lain; dan
 - iii. *Person Under Investigation* (PUI), *Person Under Surveillance* (PUS) dan kontak kepada kes positif.
- (d) Bagi perkhidmatan pembersihan awam yang memerlukan penggunaan jentera, pemeriksaan jentera pra-operasi bagi memastikan hanya jentera yang berkeadaan baik sahaja dibenarkan beroperasi dan memastikan semua peralatan mencukupi serta berkeadaan baik.
- (e) Jumlah pekerja yang terlibat mengikut keperluan pelaksanaan perkhidmatan pembersihan awam dengan amalan *social distancing* 1 meter dipatuhi.

9.2 Semasa Aktiviti Pembersihan Awam

- (a) Aktiviti pembersihan awam dilaksanakan mengikut jadual dan lokasi yang telah ditetapkan.
- (b) Tidak menyentuh sebarang sisa pembersihan dengan tangan tanpa PPE sepanjang melaksanakan aktiviti.
- (c) Menggunakan peralatan yang bersesuaian untuk memindahkan sisa pembersihan sekiranya perlu.

9.3 Selepas Aktiviti Pembersihan Awam

- (a) Sekiranya aktiviti pembersihan awam melibatkan penggunaan kenderaan atau jentera, basuh kenderaan dan jentera dengan bahan detergen yang sesuai selepas operasi dan diletakkan di lokasi yang ditetapkan.
- (b) Bahagian dalam kenderaan yang menempatkan pemandu dan pekerja perlu dibuat disinfeksi secara penyemburan atau dilap dengan bahan disinfektan.
- (c) Pekerja dan pemandu perlu membersihkan tangan dan diri selepas operasi dijalankan menggunakan disinfektan, *sanitizer* atau sabun (mengikut kesesuaian).
- (d) Semua peralatan yang telah digunakan hendaklah dibersihkan dan didisinfeksi selepas operasi selesai.
- (e) Memastikan pelitup muka dibuang mengikut kaedah yang ditetapkan di depoh atau *mustering point*. *Wellington/safety boot* dan sarung tangan getah perlu didisinfeksi sebelum disimpan selepas operasi selesai.
- (f) Melaksanakan pemeriksaan selepas operasi untuk kenderaan dan memaklumkan sebarang kerosakan kepada pihak mekanik yang bertugas.
- (g) Semua peralatan disimpan di depoh, stor atau di tempat yang disediakan selepas operasi.
- (h) Pekerja dan kakitangan diingatkan agar sentiasa mengamalkan kebersihan diri.

10. PELAPORAN

Pelaporan bagi pelaksanaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam pasca PKP perlu mengikut prosedur pelaporan sedia ada yang telah ditetapkan oleh syarikat konsesi/kontraktor/agensi.

TERBITAN

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

2020